

Mahathir: Bahasa Inggeris mesti diberi perhatian

DELM. 23 APRIL

KUALA LUMPUR 22 April — Dr. Mahathir Mohamad berkata Bahasa Inggeris mesti diberi perhatian berat oleh para pelajar bagi meningkatkan mutu kecekapan penggunaannya.

Beliau memberitahu majlis hari penyampaian hadiah Sekolah Rendah Laki-Laki Methodist di sini petang ini bahawa mulai tahun depan semua tingkatan satu akan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Bahasa Inggeris akan banya menjadi sebagai salah satu mata pelajaran.

Menteri Pelajaran itu meminta guru-guru memainkan peranan mereka dalam menentukan kecekapan menguasai Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan jangan sekali-kali mengecilkan kepentingannya.

Beliau menasihatkan murid-murid bahawa dalam usaha melebihi penguasaan bahasa, mereka tidak seharusnya menumpukan kepada buku-buku teks sahaja.

"Ini tidak mencukupi untuk menguasai bahasa. Bacaan buku,

majalah dan surat khabar adalah penting dalam pelajaran bahasa," katanya.

Guru-guru Bahasa Inggeris mestilah menggalakkan murid-murid membaca buku-buku cerita lebih banyak dan lebih kerap.

Lengkap

Khutub-khanah sekolah mestilah dilengkapi dengan buku-buku supaya murid-murid membaca. Dengan cara ini penguasaan Bahasa Inggeris oleh murid-murid akan bertambah, katanya.

Dr. Mahathir menerangkan bahawa di samping murid-murid mesti fasih dalam Bahasa Malaysia untuk mengikut pelajaran dan mencapai kejayaan dalam peperiksaan, mereka juga tidak boleh mengabaikan Bahasa Inggeris.

"Kita tidak mahu pelajar-pelajar di masa akan datang mempunyai mutu kecekapan dalam penggunaan Bahasa Inggeris lebih rendah daripada pelajar-pelajar dahulu," tambahnya.